Ramlah bte Selamat & Satu Yang Lain lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PERMOHONAN JENAYAH NO 54-6-95
ABDUL HAMID EMBONG PK
21 APRIL 1995

Acara Jenayah *— Jaminan — Permohonan untuk mengurangkan jaminan — Sama ada terlalu tinggi sehingga menjadi suatu hukuman — Prinsip penentuan amaun jaminan — Amaun jaminan 2½ kali denda maksimum — Sama ada boleh mengambilkira sentimen masyarakat umum dalam penentuan amaun*

Sepasang suami isteri ('tertuduh tersebut') telah didakwa di mahkamah majistret dengan tuduhan berniat bersama untuk menganiayai seorang kanak-kanak dengan cara yang menyebabkan dia mengalami kecederaan fizikal. Kesalahan tersebut boleh dihukum di bawah s 26(1) Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991, yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan/atau penjara maksimum lima tahun. Tertuduh tersebut telah mengaku tidak bersalah, dan majistret telah mengenakan jaminan RM25,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh, sementara menunggu perbicaraan. Tertuduh tersebut telah memohon ke Mahkamah Tinggi untuk mengurangkan jaminan tersebut, atas alasan bahawa: (i) amaun jaminan yang terlampau tinggi itu tidak mampu dibayar oleh tertuduh tersebut, dan oleh itu membawa kesan yang sama seperti mereka tidak dibenarkan jaminan; (ii) tiada bukti yang menunjukkan bahawa mereka akan melarikan diri; dan (iii) penahanan mereka akibat jaminan yang melampau tinggi adalah bertentangan dengan prinsip bahawa seseorang tertuduh dianggap sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan sebagai bersalah di sisi undang-undang. Timbalan pendakwa raya pula berhujah bahawa amaun jaminan tersebut harus dikekalkan kerana kes ini membangkitkan perasaan kecewa dan marah di kalangan masyarakat umum, dan kanak-kanak yang didera itu telahpun meninggal dunia.

Diputuskan, membenarkan permohonan itu:

(1) Menurut s 389 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) ('KAJ'), tujuan pengenaan jaminan ke atas tertuduh ialah untuk memastikan bahawa tertuduh itu hadir di mahkamah pada hari perbicaraan. Jika keseluruhan Bab XXXVIII KAJ yang berkaitan dengan jaminan ditelitikan, dapat dilihat bahawa pendekatan yang diambil adalah berdasarkan prinsip bahawa seseorang tidak bersalah di sisi undang-undang sehingga terbukti demikian. Berpandukan prinsip yang sama, s 389 KAJ juga menyatakan bahawa amaun jaminan yang dikenakan itu tidak haruslah keterlaluan. Oleh itu, mahkamah perlu meneliti sama ada amaun jaminan yang dikenakan itu tidak keterlaluan sehingga menjadi satu bentuk hukuman ke atas tertuduh tersebut.

(2) Seksyen 389 KAJ telah memberikan budi bicara yang luas kepada mahkamah untuk menentukan amaun jaminan dengan mempertimbangkan perihal yang khusus dan faktor peribadi tertuduh tersebut, misalnya pendapatan keluarganya dan kehadiran seorang bayi yang masih memerlukan jagaan mereka.

(3) Walaupun kes ini membangkitkan perasaan marah dan kecewa di kalangan masyarakat umum, mahkamah tidak dapat menerima sentimen itu sebagai suatu faktor yang boleh dipertimbangkan, dan perlu menegakkan keadilan berlandaskan prinsip undang-undang.

(4) Dalam kes sini, mahkamah membuat kesimpulan bahawa amaun yang dikenakan sebagai jaminan tersebut adalah terlalu tinggi dan mendatangkan kesan sebagai suatu hukuman. Mahkamah juga tidak nampak asas bagi menetapkan amaun jaminan yang 2½ kali melebihi denda maksimum. Lantaran itu, mahkamah menurunkan amaun jaminan kepada RM7,500 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dan memerintahkan supaya Jabatan Imigresen Malaysia tidak meluluskan sebarang bentuk pas perjalanan kepada tertuduh tersebut.

[English summary

A married couple ('the accused') was charged in the magistrates' court with the offence of jointly abusing a child with the intention of causing her physical injury. The offence was punishable under s 26(1) of the Child Protection Act 1991, and carried the maximun fine of RM10,000 and/or five years imprisonment. The accused pleaded not guilty, and the magistrate fixed the bail at RM25,000 with one surety for each accused, pending the hearing of the case. The accused applied to the High Court for a reduction of the bail sum, on the grounds that: (i) the bail sum was so excessive that the accused could not afford to pay, and as a result, the effect was as if no bail was allowed; (ii) there was no proof to show that the accused would escape; and (iii) their detention due to the excessive bail sum was contrary to the principle that a person is innocent until proven guilty. On the other hand, the deputy public prosecutor argued that the bail sum should be upheld as this case had attracted a lot of public anger and frustration and the abused child had died.

Held, allowing the application:

(1) Pursuant to s 389 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) ('the CPC'), the purpose of imposing a bond on the accused is to ensure that he attends court on the hearing date. Upon an examination of the whole of Chapter XXXVIII of the CPC which concerns bail, it can be seen that the approach taken is based on the principle that a man is innocent until proven guilty. Following the same principle, s 389 of the CPC also states that the bail sum fixed by the court shall not be too excessive. Hence,

A the court in this case had to examine whether or not the bail sum imposed was so excessive that it had become a form of punishment on the accused.

(2) Section 389 of the CPC gives a wide discretion to the court to determine the bail sum by considering special circumstances and
B personal factors of the accused, ie their family income and the presence of a baby in their family who needed their care.

(3) Although this case had stirred up the anger and frustration of society, the court could not take that sentiment into consideration, and it had to uphold justice based on legal principles.

C (4) In this case, the court concluded that the bail sum imposed was excessive and had become a form of punishment to the accused. The court could not see the basis for setting a bail sum which was 2½ times more than the maximum fine imposable. Thus, the court reduced the bail sum to RM7,500 with one surety for each of the accused and ordered that the Malaysian Immigration
D Department not to approve any form of travel passes to the accused.]

Nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk mengurangkan amaun
E jaminan, lihat 5 *Mallal's Digest* (1995 Reissue, 4th Ed) perenggan 582–584.

Kes-kes rujukan

Che Su bte Daud v PP [1978] 2 MLJ 162 (diikut)
F *PP v Dato' Mat* [1991] 2 MLJ 186 (diikut)
Soo Shiok Liong v Pendakwa Raya [1993] 2 MLJ 381 (diikut)

Undang-undang rujukan

Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 s 26(1)
Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6) s 389
G

Mohd Saman bin Mohd Ramli (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak Pendakwa Raya.

Gurbachan Singh (*Bachan & Kartar*) bagi pihak pemohon.

H **Abdul Hamid Embong PK**: Ini adalah satu permohonan melalui notis usul untuk mengurangkan jaminan sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin setiap seorang yang telah dibenarkan oleh majistret terhadap kedua-dua pemohon. Kedua-dua pemohon telah dituduh dengan niat bersama menganiayai seorang kanak-kanah, Nur Syafiqah bte Maswari, dengan cara yang menyebabkan dia mengalami kecederaan fizikal, satu
I kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 26(1) Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Hukuman yang dibekalkan bagi seseorang yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen tersebut ialah denda yang tidak melebihi RM10,000, atau penjara yang tidak melebihi lima tahun, atau

campuran kedua-dua hukuman itu. Selain daripada itu, mahkamah juga boleh, sama ada sebagai alternatif atau tambahan kepada hukuman, memerintahkan pesalah melaksanakan satu bon sebagai jaminan baginya untuk berkelakuan baik bagi satu masa yang boleh ditetapkan oleh mahkamah.

Apabila mereka dituduh di Mahkamah Majistret Tapah pada 7 April 1995, kedua-dua pemohon telah mengaku tidak bersalah dan mahkamah pun menetapkan tarikh perbicaraan terhadap mereka berdua pada 14, 15 dan 23–26 Ogos 1995. Pihak Pendakwa Raya telah memohon agar jaminan bagi setiap pemohon ditetapkan sebanyak RM50,000, tetapi majistret yang arif telah mengenakan jaminan sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin setiap seorang.

Di hadapan saya, peguambela pemohon telah berhujah bahawa jaminan tersebut adalah terlalu tinggi, dan memberi kesan yang sama seperti tiada jaminan diberi kepada kedua-dua pemohon. Dia juga berhujah bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa pemohon akan melarikan diri dan penahanan mereka akibat jaminan yang melampau tinggi tersebut adalah bertentangan dengan prinsip bahawa seseorang tertuduh dianggapkan di sisi undang-undang sebagai tidak bersalah sehingga dibuktikan sebagai bersalah. Pemohon pertama juga, melalui afidavitnya, menyatakan bahawa suaminya, pemohon kedua, adalah seorang pekerja kilang bergaji RM700 sebulan, dan jika tidak mendapat kebebasan, akan dipecat daripada jawatannya. Mereka juga telah berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan wang jaminan dan telah dapat meminjam wang sebanyak RM5,500 daripada seorang saudaranya, yang telah terpaksa mencagar tanahnya (saudara) untuk membantu pemohon.

Timbalan pendakwa raya yang bijaksana menyatakan bahawa tiada kes terdahulu daripada kes ini yang telah diputuskan untuk menjadi panduan. Dia juga memaklumkan bahawa kanak-kanak yang menjadi mangsa deraan ini telahpun meninggal dunia pada 28 Mac 1995. Oleh kerana kes ini telah membangkitkan perhatian umum, maka jaminan yang dibenarkan oleh majistret sepatutnya dikekalkan.

Penentuan terhadap amaun jaminan yang sepatutnya dikenakan hendaklah berpandukan kepada s 389 Kanun Acara Jenayah (NMB Bab 6)('KAJ') yang berbunyi:

> The amount of every bond executed under this Chapter shall be fixed with due regard to the circumstances of the case as being sufficient to secure the attendance of the person arrested, but shall not be excessive; and a Judge may, in any case, whether there be an appeal on conviction or not, direct that any person be admitted to bail or that the bail required by a police officer or Court be reduced or increased.

Jelas daripada seksyen tersebut, bahawa tujuan pelaksanaan bon jaminan itu ialah untuk memastikan seseorang yang ditangkap itu hadir di mahkamah pada hari-hari yang ditetapkan kelak. Jika diteliti secara keseluruhan, Bab XXXVIII KPJ yang berkaitan dengan jaminan, adalah dapat dilihat di situ bahawa pendekatan terhadap persoalan jaminan ini adalah berkenaan dengan hak kebebasan seseorang individu, termasuk seseorang yang telah

ditangkap dan dituduh dengan sesuatu kesalahan jenayah. Saya bersetuju bahawa pendekatan ini berhubungkait rapat, malah tidak salah jika dikatakan sebagai satu kesimpulan yang patut mengikut urutan logik, kepada prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah di sisi undang-undang sehingga terbukti demikian. Malahan berpandukan prinsip yang sama juga, s 389 KAJ sendiri telah membekalkan satu peringatan secara 'peremptory' dengan ungkapan di situ bahawa amaun yang dikenakan 'shall not be excessive'. Penekanan terhadap kebebasan ini telah disentuh dalam penghakiman Mahkamah Agung dalam kes *PP v Dato' Mat* [1991] 2 MLJ 186 di mana Wan Yahya H bagi pihak mahkamah tersebut berkata di ms 189:

> Although the purpose of remanding an accused person is never intended to serve as his pre-trial punishment, the outcome of such detention can often be misconstrued as an oppressive privation of his personal liberty especially so when at the end of a prolonged detention and trial the person detained is found to be not guilty. The court has always leaned in favour of admitting an accused person to bail.

Jelas daripada penghakiman tersebut bahawa tahanan seseorang sebelum perbicaraan bukan bertujuan untuk menghukumnya dan patut dielakkan. Oleh itu, mahkamah di sini perlu meneliti sama ada amaun yang dikenakan bagi tujuan jaminan tersebut tidak keterlaluan sehingga menjadi satu bentuk hukuman ke atas pemohon. Faktor-faktor yang perlu diambil kira untuk menetapkan amaun tersebut telah dibincangkan oleh Vincent Ng PK dalam kes *Soo Shiok Liong v PP* [1993] 2 MLJ 381. Faktor-faktor tersebut yang dipetik daripada *Mallal's Criminal Procedure* (4th Ed), walau bagaimanapun, tidaklah merupakan satu senarai yang 'exhaustive' mengikut keputusan Gunn Chit Tuan H dalam kes *Che Su bte Daud v PP* [1978] 2 MLJ 162. Saya bersetuju. Tambahan lagi, s 389 KAJ itu sendiri telah memberi budi bicara yang luas kepada mahkamah, di mana ungkapan 'due regard to the circumstances of the case' yang disebut di situ boleh ditafsirkan sebagai mengambil pertimbangan juga akan perihal yang khusus kepada pemohon itu sendiri. Berlandaskan itu, mahkamah telah menimbangkan faktor-faktor peribadi yang telah dikemukakan oleh pemohon seperti pendapatan keluarga dan kehadiran seorang bayi mereka yang masih memerlukan susu badan ibunya, iaitu pemohon pertama. Jika dibandingkan amaun RM25,000 (RM50,000 bagi kedua-dua pemohon) dengan gaji bulanan pemohon kedua sebanyak RM700 (satu fakta yang tidak disangkal oleh pihak timbalan pendakwa raya), memang mudah disimpulkan bahawa amaun yang dikenakan sebagai bon jaminan tersebut adalah terlalu tinggi dan mendatangkan kesan sebagai satu hukuman oleh kerana mereka tidak mungkin dapat membebaskan diri atas jaminan itu. Dalam kata lain, satu penindasan.

Walaupun kes ini telah mendapat perhatian orang awam dan membangkitkan perasaan marah dan kecewa di kalangan masyarakat umum, mahkamah tidak dapat menerima sentimen itu sebagai satu faktor yang boleh dipertimbangkan. Begitu juga dengan kesudahan tragedi yang menyedihkan itu, iaitu kematian si mangsa. Kes-kes deraan terhadap kanak-kanak seperti ini memang semakin menjadi-jadi dewasa ini, sehingga

menimbulkan desakan di kalangan pemimpin masyarakat supaya pesalah bagi kesalahan seperti ini dikenakan hukuman mati. Mahkamah menyedari hakikat ini dan memandang berat akan kejadian sebegitu. Walau bagaimanapun, hakikatnya ialah pemohon-pemohon di sini didakwa atas satu kesalahan yang hanya boleh dihukum denda tidak melebihi RM10,000 dan penjara maksimum lima tahun. Saya tidak nampak apa asasnya bagi menetapkan amaun bon jaminan sebanyak 2½ kali ganda melebihi denda maksimum. Mahkamah tidak boleh diseret mengikut arus emosi, dan perlu menegakkan keadilan berlandaskan prinsip undang-undang.

Permohonan ini adalah dibenarkan dan amaun bon jaminan terhadap kedua-dua pemohon diturunkan kepada RM7,500 dengan seorang penjamin setiap seorang pemohon. Mahkamah juga memerintahkan supaya Jabatan Imigresen Malaysia tidak meluluskan sebarang bentuk pas perjalanan terhadap kedua-dua pemohon, satu syarat tambahan yang, walaupun tidak disebut dalam KAJ, dibenarkan mengikut keputusan *PP v Dato' Mat.*

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Isabel Liong